

# BAB SATU

## **BAB SATU : PENGENALAN KEPADA SEKULARISME**

### **1.0 PENGENALAN**

Peradaban Islam sememangnya berbeza daripada sekular yang memisahkan agama dari kehidupan dan bukannya bergerak seiring antara agama dan dunia. Sejak berabad yang lalu umat Islam mencapai kemuncak kegemilangan peradaban Islam yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana peradaban Barat dan dunia sekalipun. Namun akibat kelalaian mereka menyebabkan Barat berjaya mendominasikan pengaruh dan idea-idea falsafah kehidupannya. Sejak abad ke 19 misalnya telah berlaku penjajahan Barat terutamanya Inggeris dan seramai 400 juta umat Islam yang kebanyakannya orang Islam telah dijajah. Berdasarkan pengalaman sejarah, penjajahan bercorak idea adalah lebih besar kesannya berbanding penjajahan fizikal kerana kolonialisasi idea sekular dapat digarapkan dan dijadikan suatu bentuk globalisasi yang menyerang dunia Islam. Ini kerana Barat mengakui hanya serangan ke atas pemikiran akan berupaya menjajah umat Islam dan dipesongkan akidahnya atau berjaya mengeluarkan mereka dari agama itu sendiri.

Apabila kita membincangkan soal sekularisme maka tidak lengkap jika tidak merujuk maksud sekular, sekularisme dan sekularisasi yang saling berkait dan tidak membawa kepada hakikat kehidupan yang sebenarnya. Begitu juga apabila kita melihat impaknya dalam peradaban sudah tentu membawa kemusnahan umat dan tamadunnya. Penulis berminat membuat penyelidikan mengenai sekularisme agar dapat memahaminya dengan lebih mendalam dan boleh memberikan pengajaran tentang bahaya yang sedang menanti umat Islam dan peradabannya jika mengamalkan ideologi dan nilai sekularisme yang boleh menyebabkan kemunafikan.

Justeru itu, sebagai permulaannya penulis akan menerangkan definisi sekularisme yang telah dikemukakan oleh beberapa orang tokoh atau penulis dan seterusnya mengemukakan bentuk peradaban sekular di negara Islam atau yang telah diadaptasikan oleh orang Islam itu sendiri. Malah masih terdapat banyak persoalan mengapa umat Islam seolah-olah membenarkan peradaban mereka dijajahi dengan idea-idea sekular yang membawa kesalahfahaman tentang erti kehidupan yang sebenarnya iaitu hari akhirat. Negara Islam pula seolah-olah membiarkan masalah ini terus melanda umatnya tanpa sekatan.

Seterusnya penulis akan menghuraikan pelbagai jenis definisi berkenaan sekular dan kesemua ini dapat memberikan makna yang lebih mendalam kerana setiap satunya sudah tentu mempunyai asal-usulnya tersendiri. Evolusi dan perkembangan sekularisme ini dapat dilihat apabila tamadun yang bakal dikaji nanti walaupu mempunyai sedikit unsur sekularnya sudah cukup untuk memberikan kesan yang negatif. Negara-negara Barat misalnya cuba menyerapkan ideologinya ke negara Timur Islam dengan membentuk kumpulan orientalis untuk menimbulkan keraguan pada sumber kekuatan Islam iaitu akidah Islam. Ini terbukti dengan kejayaan mereka meracuni pemikiran para pelajar Islam terutama di institusi-institusi pengajian tinggi di luar negara atas alasan mengejar kemajuan dan tuntutan zaman.

Dalam pemikiran sekularisme barat sekular, agama dianggap sebagai satu budaya yang dicipta oleh manusia purba di zaman dahulu. Tuhan dikatakan tidak wujud dan manusia sebagai penggerak utama di dalam memakmurkan alam. Pemikiran sekular telah menjadi masalah global kerana kebanyakkan negara di seluruh dunia kini telah melaksanakan fahaman ini ke dalam kehidupan. Malah sekularisme juga menghalang

manusia sejagat untuk menuju keadilan dan kesempurnaan hidup menurut hukum-hakam Allah s.w.t. Masalah sekularisme sebenarnya masalah peradaban barat yang menukar dalam pemikiran umat Islam untuk digunapakaikan. Oleh itu untuk memahami apa sebenarnya sekularisme maka eloklah kita merujuk kepada meksudnya agar dapat memberikan kita pengetahuan dan impaknya sehingga boleh membawa kemudaratian.

## 1.1 DEFINISI SEKULARISME

Umumnya sekularisme berasal dari perkatan asasnya sekular dan menurut Kamus Inggeris ia adalah sesuatu yang berhubung dengan dunia nyata bukannya berhubung dengan alam rohani (spiritual) atau alam akhirat. Kamus Malaysiana mendefinisikan sekular iaitu “Sekular ialah pelajaran yang berkaitan dengan keduniaan sahaja tanpa dicampurkan dengan amalan dan pengajaran akhirat.”<sup>1</sup> Oleh kerana bidang kajian ini adalah berkenaan sekularisme maka istilah sekularisme dimaksudkan untuk menunjukkan tidak hanya ideologi-ideologi sekular seperti Sosialisme atau Komunisme tetapi juga meliputi semua pernyataan pandangan dunia sekular termasuklah berkenaan sekularisasi yang disebarluaskan secara efektifnya.

Syed Muhammad Naquib al-Attas menyatakan “Istilah sekular, dari kata Latin *seaculum*, mempunyai erti dengan dua konotasi : waktu menunjukkan kepada pengertian ‘sekarang’ atau ‘kini’ dan lokasi menunjukkan kepada pengertian ‘dunia’ atau ‘duniawi’.”<sup>2</sup> Oleh itu *seaculum* merujuk kepada peristiwa-peristiwa di dunia ini dan yang berlaku pada masa kini dan tidak mengira kehidupan di akhirat. Sebenarnya fahaman sekular adalah konsep yang telah lama wujud. Konsep ini lahir dari sejarah yang berdasarkan pengalaman dan kesedaran, iaitu yang timbul melalui percantuman antara tradisi Greek atau Romawi

dan tradisi Judaisme yang saling bertentangan dalam agama Kristian di Barat. Malah ahli falsafah Barat sekular beranggapan bahawa material adalah punca utama kebahagiaan manusia dan ia hanya mengambil kira apa yang diperlukan hari ini dan bukannya masa depan dalam mengejar kesejahteraan hidup. Istilah ini timbul di Eropah pada zaman Renaisans (pembaharuan) (abad 14M-17M) yang bererti sekular merujuk kepada yang tidak di bawah pengaruh dan naungan institusi Gereja Katolik Rom<sup>3</sup> yang dinyatakan oleh Sulaiman Noordin. Pada abad ke 19 juga bermulanya pensekularan apabila pihak gereja tidak berhak campurtangan di bidang politik, ekonomi dan ilmu pengetahuan. Malah penggunaan istilah ini timbul pada tahun 1851 yang dihuraikan oleh ahli fikir Inggeris iaitu menurut Zulkarnain Yusoff :

“Dalam ‘Encyclopedia Of Religion & Ethics’, T.T Clark menyatakan bahawa pengasas kepada fahaman ini ialah George Jacob Holyoake. Beliau dilahirkan pada tahun 1817 di Birmingham, United Kingdom.”<sup>4</sup>

Zulkarnain menambah :

“Fahaman sekular ini mula tersebar pada tahun 1851 apabila Holyoake menerbitkannya dalam jurnal ‘The Reasoner’ dengan mengemukakan idea pemikiran baru yang boleh diuji atau dipraktikkan dalam kehidupan. Perbincangan lebih terperinci dilakukan oleh beliau dalam tahun 1896 apabila ia menulis ‘The Origin and Nature of Secularism’.”<sup>5</sup>

Selain itu, ahli-ahli teologi Barat telah memberi pandangan tentang perbezaan antara sekularisasi dan sekularisme yang menunjukkan sekularisme adalah terhasil daripada Kristialisasi dari proses sekularisasi ke dalam bentuk yang khusus dan berbeza berupa suatu ideologi dan bukannya suatu proses. Malah mereka juga menyatakan bahawa setiap isme adalah ideologi. Ideologi tidak ada kena mengena dengan ‘kebenaran’ kerana ia merupakan

tindak balas sosial manusia terhadap situasi sosialnya. *Encyclopaedia of the Social Science* pula mendefinisikan sekularisme sebagai :

*"If secularism be defined as the attempt to establish an autonomous sphere of knowledge purged of supernatural, fideistic presuppositions, its modern origins are to be traced to the later Middle Ages of Western Europe."*<sup>6</sup>

Seterusnya penulis akan memberikan pula maksud berkaitan sekular daripada pandangan penulis Barat. Beberapa orang penulis atau sarjana telah dipilih untuk memperjelaskan lagi takrif perkataan ini. Misalnya Harvey Cox menyatakan perkataan sekular berasal dari bahasa Latin iaitu *seaculum*. Menurutnya lagi :

*"Seaculum is a time word, used frequently to translate the Greek word aeon, which also means age or epoch. Mundus, on the other hand, is a space word, used most frequently to translate the Greek word cosmos, meaning the universe or the created order."*<sup>7</sup>

Oleh itu beliau membuat kesimpulan bahawa "*The world became history. Cosmos became aeon; mundus became saeculum*". Malah sekularisme pada pandangannya ialah merupakan satu ideologi yang bertugas seperti agama yang baru. Bagi Steve Bruce pula konsep sekularisasi boleh dirujuk sebagai kepercayaan suatu masyarakat iaitu :

*"Although it is possible to conceptualize it in other ways, secularization primarily refers to the beliefs of people. The core of what we mean when we talk about this society being more 'secular' than that is that the lives of fewer people in the former than in the latter are influenced by religious beliefs."*<sup>8</sup>

Selain itu, Doral Murray juga memberikan maksud sekular yang padanya mempunyai pelbagai definisi. Misalnya beliau menegaskan bahawa “*It can refer to a decline in religious practice or a growth in the influence of atheistic and materialistic philosophies.*”<sup>9</sup>

Jelaslah di sini bahawa sekular dan sekularisme mempunyai pelbagai makna menurut pandangan beberapa orang tokoh seperti yang dinyatakan tadi. Semoga dengan maksud tersebut dapat memahamkan kita dengan lebih mendalam lagi.

Seterusnya penulis ingin pula menyatakan pandangan penulis Islam mengenai takrif perkataan tersebut dengan lebih terperinci. Terdapat dua takfif yang dinyatakan oleh Sulaiman Noordin iaitu :

- (a) Sekularisme ialah fahaman yang memisahkan urusan-urusan keduniaan dari urusan-urusan agama. Ia meninggalkan peranan agama (Kristian) dan Tuhan dari segala urusan kehidupan manusia.
- (b) Sekularisme juga memisahkan secara mutlak antara ilmu pengetahuan dari pengaruh dan tuntutan institusi Gereja Katolik Rom.<sup>10</sup>

Petikan dari *The World Book Encyclopedia* oleh H. Oemar Bakry menyatakan bahawa :

“Niccolo Machiavelli, seorang politikus Florence yang masyhur, mengesampingkan idealisme Kristian dan mengutamakan politik kekuasaan yang realistik. Hobbes berpendirian bahawa seluruh kehidupan manusia adalah “usaha yang tak henti-hentinya untuk mencari kekuasaan”. Pendekatan ini lalu dikenal sebagai *sekularisme* sebab memisahkan politik dari agama.”<sup>11</sup>

Selanjutnya Seyyed Hossein Nasr mengakui sejak Renaisans hingga kini, sekularisme telah menjadi musuh kepada agama-agama dalam kehidupan manusia iaitu :

“Pertama-tama, secara bertahap sekularisme memisahkan falsafat dan kemudian sains dari pengaruh agama dan kemudian pula bergerak memisahkan gagasan politik, ekonomi dan sosial serta lembaga-lembaga yang mempertimbangkan pentingnya agama pada period abad Pertengahan di Barat dari alam makna agama.”<sup>12</sup>

Begitu juga pengertian yang dibuat oleh Shamad Hamid iaitu ia adalah satu aliran yang menganggap bahawa agama harus dipisahkan dari urusan negara kerana agama tidak berhak mencampuri urusan politik, pendidikan, ekonomi dan seumpamanya. Dalam perkembangan masyarakat Eropah, kata-kata ini sering diidentitikan dengan pengertian “non Agama” serta pemisahan kekuasaan antara Gereja dengan Negara.<sup>13</sup> Fadhlullah Jamil menyatakan sekularisme iaitu sebagai satu faham (isme) mempunyai ciri-ciri tertentu iaitu :

- a) Secara sedar sekularisme memusatkan perhatiannya semata-mata kepada masalah dunia.
- b) Dengan sedar pula mengasingkan atau menyisihkan peranan agama/wahyu dan Tuhan daripada pelbagai segi kehidupan dan penghidupan manusia.
- c) Tidak mengira halal atau haram.
- d) Sesuatu yang memberikan kepuasan, walaupun lucu dikira baik dan berfaedah.
- e) Tunduk kepada hawa nafsu.
- f) Akal manusia mampu untuk menyelesaikan segala persoalan hidup.<sup>14</sup>

Dalam membicarakan soal sekularisme sudah tentu soal sekularisasi perlu diberi perhatian oleh penulis. Ini kerana sekularisasi berkait rapat dengan maksud sekularisme itu tadi. Dalam pengertian yang paling luas, konsep sekularisasi berhubung dengan proses keruntuhan peranan agama dalam masyarakat yang melibatkan masyarakat bercorak lebih

rasional, material dan utilitarian.<sup>15</sup> Selain daripada menekankan soal material dan duniawi sekularisasi juga melibatkan perkara seperti berikut :

- Kecenderungan untuk mengejar keseronokan dan kebahagiaan;
- Kebebasan yang bertambah daripada segi sains, ilmu pengetahuan dan nilai;
- Penekanan ke atas ukuran empirik serta ukuran yang berkaitan dengan kecekapan duniawi;
- Kesedaran mengenai kebolehan dan kuasa manusia terhadap alam sekitar dan masyarakat;
- Berkurangnya kuasa dan pengaruh badan agama terhadap kehidupan manusia;
- Pemisahan agama daripada politik dan kerajaan.<sup>16</sup>

Manakala Fadhillah Jamil pula memberikan definisi sekularisasi sebagai proses mengasingkan (memisahkan) segala lapangan hidup daripada pengaruh agama. Melalui sekularisasi, manusia menjadi penting dan diutamakan kerana segala penumpuan diberikan kepadanya dan dia lah menjadi fokus utama segala aktiviti dan bukannya Allah. Dengan itu timbullah *sensate culture*, iaitu manusia menjadi bahan pemujaan atau pendewaan.<sup>17</sup>

Daripada definisi yang telah diberikan oleh penulis-penulis di atas sekularisme dapat disimpulkan sebagai satu ideologi yang memisahkan antara kehidupan beragama dengan duniawi. Ia juga menghasilkan seorang individu dan masyarakat yang terlalu mementingkan kehidupan keduniaan semata-mata dan tidak memikirkan kepentingan di masa depan yang akhirnya membawa kesan yang buruk. Ia juga boleh mewujudkan kelompok masyarakat yang bersifat utilitarian. Hasilnya tercapailah impian Barat sekular untuk mendominasikan umat Islam dengan menyebarluaskan isme-ismenya. Apabila sekularisme sudah meresapi sanubari, umat Islam sudah pasti lemah dan hancurlah peradaban Islam.

## 1.2 MAKNA SEKULARISME DALAM KONTEKS BAHASA

Penulis sekali lagi ingin memperincikan definisi sekularisme dari sudut bahasa untuk pemahaman bersama agar dapat melihat betapa lemah dan rendahnya peradaban yang telah dan yang hendak dibina apabila unsur ini diadaptasikan dalam kehidupan. Seperti yang sudah diterangkan bahawa sekular berasal dari perkataan Latin *saeculum*. Melalui artikel Abu Sufian Abd Ghani iaitu “Asal Perkataan Sekular” dalam Majalah Dakwah ada diterangkan asal perkataan ini. Di antara perkataan-perkataan yang terbit dari ‘seaculum’ ialah :

*Saedian, sead, set dan sat  
Seed, Saet, said dan zaet  
Zaad, sath, saeth dan sep  
Satus, serere dan seths.<sup>18</sup>*

Jika dilihat dari beberapa perkataan tadi terdapat perkataan yang sama maksud dengan bahasa Inggeris seperti *seed* yang bererti biji benih. Begitu juga dengan perkataan *seths* yang bererti *seed of man* iaitu air mani (*semen*) atau benih manusia. Perkataan *sep*, *satus* dan *serere* pula sama dengan perkataan *sow* iaitu tanaman. Jelas di sini bahawa *seaculum* berkaitan dengan soal biji benih manusia.

Manakala dari segi tamadun pula perkataan ini membawa maksud tamadun yang gelap atau rendah mutunya. Kesemua ini terbukti dari hirarki kosmologi silam dinyatakan terdapat empat unsur seperti api, angin, air dan tanah, unsur tanah adalah paling bawah sekali kedudukannya. Ini kerana terdapatnya pertentangan antara tamadun dan *seaculum* kerana tamadun adalah manifestasi agama, budaya dan tradisi yang tidak dapat pada

*seaculum*. Oleh itu sudah tentulah tamadun mempunyai kedudukan yang tinggi dari *seaculum*.

Menurut Max Eeber iaitu Bapa Sosiologi Jerman menggunakan istilah ‘Entzauberung’ untuk menerangkan fenomena sekularisasi. Entzauberung bermakna melenyapkan ketakjuban dari kehidupan. Manakala tradisi silam pula mempunyai makna dalam setiap kehidupan. Ia membawa maksud ketakjuban hanya boleh diberi oleh agama dan kepercayaan meliputi fahaman animisme, semangat dan seumpamanya. Jika hilang agama dan kepercayaan tadi sudah pasti manusia akan hilang takjub dari kehidupan.

Menurut Abu Sufian Abd Ghani lagi “Frederick Chiller pula berkata sekular ialah Engotterung, iaitu menyahkan kekudusan dalam kehidupan.”<sup>19</sup> Ini bermakna tidak terdapat objek suci dan semua benda adalah sama sahaja (tiada makna).

Demikian juga menurut Cornelis Peursen dan Harvey Cox iaitu ahli agama Kristian yang memberikan tiga ciri utama sekular. Pertama, sekular dinyatakan sebagai *The Disenchantment of Nature* yang bermaksud melenyapkan ketakjuban kepada alam dan kehidupan. Kedua, sebagai *The Desacralization of politics* iaitu mencemarkan kehidupan berpolitik dan bernegara. Ini kerana untuk memegang jawatan dari pentadbiran harus ada kriteria yang baik tetapi bagi sekular ia adalah tidak penting. Terakhir ialah *The Deconsecration of Values* iaitu merobak-rabikkan pegangan nilai, budaya dan tradisi. Apabila nilai ini tiada maka tidak akan tercapailah ketinggian tamadun kerana tiadanya unsur agama, tradisi dan budaya yang boleh membentuk etika, akhlak dan adab untuk menaikkan martabat kehidupan.

Dari pendapat tadi sekularisme itu bolehlah dikatakan satu ideologi yang cuba untuk menghakis ketakjuban dari kehidupan yang mewujudkan satu kehidupan yang tertumpu kepada material semata.<sup>20</sup> Ketakjuban ini pula terdapat dalam agama atau fahaman kepercayaan sesuatu masyarakat maka sudah tentu sekularisme tersebut akan menghapuskan peranan tersebut dalam kehidupan. Akhirnya kehidupan yang dilalui manusia tidak akan memberi apa-apa makna kerana ketiadaan hakikat kehidupan yang abadi.

Demikianlah definisi perkataan sekular yang dapat dilihat dari sudut bahasa. Ternyata ia tidak dapat membawa manusia kearah mencapai peradaban yang tinggi dan mulia.

### **1.3 MAKSUD SEKULARISME DALAM KONTEKS FALSAFAH**

Maksud sekularisme dari sudut ini ialah pemisahan agama dari kehidupan. Agama yang dimaksudkan di sini ialah Kristian. Pendek kata pemikiran falsafah sekularisme di Barat telah menjauhkan diri manusia dari norma-norma keagamaan yang dianggap menghalang hak kebebasan manusia dan kemajuan. Ia boleh dirujuk dari artikel Abu Sufian Abd Ghani yang menerangkan kebebasan manusia dalam kehidupan iaitu “Pensekularan yang berfalsafahkan pembebasan manusia daripada kawalan metafizik terhadap akal dan bahasa.”<sup>21</sup> Seterusnya golongan ini akan berusaha membebaskan dunia dari fahaman bersifat keagamaan dan separa keagamaan, menghapuskan semua pandangan hidup bersifat muktamat, membinasakan kesemua mitos, dongeng dan simbol kekudusan. Oleh itu pensekularan menyebabkan manusia memberikan perhatian pada kehidupan alam dunia pada masa kini daripada alam akhirat. Selain itu, menurut Mohd Nakhaie “Masyarakat

negara sekular berusaha melucutkan pimpinan agama atau sekurang-kurangnya melupakan aliran-aliran dan tuntutan agama dalam masyarakat.”<sup>22</sup>

Pensekularan juga menjangkau aspek kebudayaan iaitu aspek utama ketamadunan. Menurut Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain konsep kebudayaan bermakna keseluruhan cara hidup, rohaniah dan jasmaniah sesebuah masyarakat manusia. Dari segi kandungannya termasuklah perkara-perkara seperti yang didefinisikan oleh Tylor ini :

*“Culture... is that complex whole which includes knowledge, belief, art, murals, custom and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society.”<sup>23</sup>*

Malah sekularisme juga merangkumi aspek kekuasaan politik, kemasyarakatan dan ekonomi. Falsafah ini mewajarkan manusia memperlakukan sesuatu secara sesuka hati tanpa sebarang sekatan dan membebaskan alam tabii dari tafsiran keagamaan. Rejender Singh melalui artikelnya “Falsafah Abadi dan Falsafah Sekularisme : Suatu penilaian” Telah menghuraikan falsafah sekularisme menurut Roger Scruton seperti berikut :

“Oleh itu, tidaklah keterlaluan kiranya dirujuk bahawa wujudnya arus pemikiran falsafah sekularisme di Barat telah hanya membicarakan mengenai sajarah manusia Barat yang masih dalam suatu proses pencarian diri sejak memutuskan diri dengan tradisi agamanya. Diri yang dicari adalah diri yang rasional yang hanya akur dan meyakini sesuatu yang dapat diterima akal.”<sup>24</sup>

Manakala menurut Muhammad Uthman El-Muhammady seperti yang dipetik oleh Rajender Singh dalam artikelnya tadi menjelaskan lagi tentang falsafah sekularisme iaitu “Sehubungan dengan tafsiran inilah maka falsafah sekularisme dalam penaakulan agama Kristian telah hanya dimaksudkan serta diperhalusi sebagai fahaman ‘Yang Berdiri Secara

Terpisah Dari gereja, Yang Hidup Di Luar Wilayah Kekuasaan Gereja atau Masyarakat Agama.”<sup>25</sup> Malah manusia juga bebas mencipta perubahan sama ada dari segi sejarah dan masa depan juga dalam erti kata untuk pembangunan. Ini kerana model modeniti adalah terbit dari falsafah dan ideologi ini dan berkembang sehingga kini.

Malah sehubungan dengan ini aliran sekularisme bolehlah dikatakan berusaha mencari makna kehidupan dalam konteks yang menyesatkan atau kenafsuhan pada pandangan Islam dan menjauhkan diri daripada hakikat kebenaran rohani yang ingin mengenal Tuhan dan berabdi kepada-Nya. Falsafah juga berakarumbikan konsep-konsep kosmosentris, teosentris dan antrosentris tanpa sebarang makna. Namun sekularisme juga boleh melibatkankekangan nafsu seperti dalam sejarah awal Kapitalis. Misalnya terdapat disiplin diri dalam menguruskan perniagaan, berjimat cermat, membuat pelaburan dan hubungannya dengan pengumpulan modal atau tidak berbelanja boros yang bertentangan dengan agama. Max Weber (1864-1920) merupakan ahli ekonomi dari Jerman telah menerbitkan bukunya bertajuk *The Protestant Ethic and The Spirit of Capitalism* pada tahun 1904 menyatakan amalan kerja yang sistematik, usaha dan keiklasan akan menghasilkan kemewahan. Beliau juga menegaskan kesusilaan Protestan yang menjadi asas semangat Kapitalisme Barat yang tersebar ke rantau global tidak semestinya membawa kepada agama Protestan.

#### **1.4 MAKSUD SEKULARISME DALAM KONTEKS SEJARAH**

Terlebih dahulu perlu difahami sejarah awal tamadun-tamadun dunia untuk memahami bagaimana idea ini wujud. Pada zaman Yunani Kuno konsep tentang alam tabii seiring dengan kepercayaan pada tuhan-tuhan dan dewa-dewa. Namun zaman kepercayaan

kepada semangat dan tradisi keagamaan ini menjadi lemah di kalangan kaum Yunani. Kesannya menurut Abu Sufian “Kepercayaan kepada Tuhan-tuhan dan dewa-dewa beransur-ansur terhakis dan dihapuskan daripada alam tabii yang kemudiannya menyebabkan alam tabii itu kosong daripada makna kerohanian.”<sup>26</sup> Malah mereka berpendapat alam semesta adalah alam yang dapat difahami dan dapat bergantung kepada dirinya sendiri, tanpa memerlukan sebarang kuasa Tuhan untuk menjelaskan rahsianya dan tujuan penciptaannya. Oleh itu, aliran yang bersifat lahiriah dan rasional menjadi tunggak utama dalam mentafsir dan memandu arah kehidupan mereka. Fahaman rasional dan natural ini selepas itu telah diperkenalkan oleh Aristotle kepada Kerajaan Romawi lantas diadaptasikan oleh mereka.

Setelah itu apabila Kristian telah menjadi mantap sebagai agama rasmi bagi Empayar Romawi dan Barat yang mengutamakan pemikiran berhubung alam ketuhanan. Ini menyebabkan golongan intelektual atau peranan akal fikiran tidak dipentingkan. Penindasan penggunaan akal ini dilakukan kerana penyelewengan dan kezaliman pihak gereja untuk memantapkan kedudukan mereka walaupun ilmu yang dihasilkan adalah terpesong. Pertentangan antara gereja dan golongan intelek menyebabkan wujud pemisahan antara urusan keduniaan dan keagamaan. Sejarah bagi konflik kedua golongan ini diakui oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas sebagai :

*“Secularization has its roots not in biblical faith, but in the interpretation of biblical faith by Western man ; it is not the fruit of the Gospel, but is the fruit of the long history of philosophical and metaphysical conflict in the religious and purely rationalistic world view of Western man.”<sup>27</sup>*

Akibat dari perasaan tidak puas hati, muncullah aliran “humanisme” yang menentang gereja yang menindas penggunaan akal. Malah menurut Abu Sufian lagi “Maka lahirlah berbagai aliran bagi pemikiran yang kesemuanya berlandaskan logik akal dan rasional semata-mata dan menolak autoriti gereja yang kita katakan sebagai sekularisme.”<sup>28</sup>

Bermula dari persoalan ini, kita lihat sepanjang sejarah Barat peranan gereja telah wujud secara berasingan dengan negara. Kuasa rohaniah dan kuasa duniaawi merupakan gandingan (dualism) yang berterusan dalam peradaban Barat sehingga kini.

## 1.5 PERADABAN SEKULARAR

### 1.5.1 Definisi Peradaban

Sebelum kita mengkaji sesuatu tamadun perlulah diuraikan pengertiannya dan seterusnya dapat melihat perubahan yang dibawa olehnya ke atas keseluruhan aspek kehidupan sangat. Pelbagai pentakrifan diberikan kepada konsep dan pengertian tamadun atau peradaban. Mohd Nasir Omar melalui bukunya bertajuk ‘Tamadun Islam dan Ideologi-ideologi Masa Kini’ menyatakan “Dalam bahasa Malaysia kata peradaban dipandang sinonim dengan tamadun. Beradap bererti bersopan, terhormat, hidup dalam rukun, tingkat kebudayaan yang lebih tinggi daripada orang liar (biadap).”<sup>29</sup> Peradaban dalam bahasa Inggeris ialah *civilization* dan *civilisatie* dalam bahasa Belanda. Menurutnya lagi “Dalam peristilahan Islam tamadun banyak digunakan. Ibn Khaldun - sarjana pertama menulis tentang Tamadun Islam – mempergunakan kata ‘umran (diterjemahkan dengan ‘urbanization and civilization’).”<sup>30</sup>

Menurut Ensiklopedia Malaysiana istilah peradaban ini sering digunakan untuk menerangkan sesuatu jenis kebudayaan yang dianggap halus, maju dan indah iaitu “Contohnya kemajuan dalam bidang teknologi, ilmu pengetahuan, kesenian, bidang penulisan dan sebagainya.”<sup>31</sup> Malah ia juga lambang kemajuan masyarakat dalam segenap lapangan kehidupan yang dimiliki oleh sesebuah negara. V.Gordon Childe iaitu seorang ahli arkeologi dan sejarah kebudayaan, menyatakan bahawa tanda-tanda peradaban yang dimiliki oleh sesebuah negara itu dapat dilihat dengan adanya hierarki sosial, pengkhususan dalam bidang pekerjaan, bilangan penduduk dan kota-kota besar semakin bertambah, perkembangan ilmu matematik dan bidang penulisan.<sup>32</sup> Riberio dalam bukunya *The Civilizational Process* menghuraikan sebelas ciri dalam proses tamadun :

- i. Penyebaran teknik pertanian.
- ii. Perniagaan dan pengkhususan fungsi untuk kumpulan-kumpulan tertentu.
- iii, iv,v. Revolusi perbandaran, berhubungan dengan timbulnya bandar dan negara, dengan stratifikasi masyarakat dalam kelas-kelas sosial, dengan pertanian, irigasi dan teknik-teknik mengerjakan tembaga dan gangsa, tulisan, bilangan, kalender dan lain-lain.
- vi. Revolusi irigasi.
- vii. Revolusi teknik logam membawa kepada penciptaan alat-alat baru, perkembangan kapal, penemuan mata wang yang memungkinkan perdagangan dengan luar negeri dan lain-lain.
- viii. Revolusi desa.
- ix. Revolusi perdagangan.
- x. Revolusi teknologi.
- xi. Revolusi industri.<sup>33</sup>

Demikianlah kesebelas ciri yang berkembang dalam proses membentuk tamadun dalam sesuatu bangsa. Menurut Prof. Dr. Abdullah Alwi Haji Hassan dalam kertas kerjanya menyimpulkan tiga istilah yang digunakan dalam sejarah Islam untuk memberikan pengertian mengenai tamadun dalam Islam iaitu *Madaniyyah* (tamadun), '*umran* dan *hadarah* seperti berikut :

“Bahasa Malaysia dan Indonesia mengguna perkataan *tamadun*, Bahasa Swahili di Afrika Timur menyebutnya dengan *Utamaduni*, Bahasa Turki mengistilahkannya dengan *medeniyet* dan *medeniyeti*, Bahasa Parsi menyebutnya dengan *tamaddon* dan *madaniyat*. Kepada orang Arab bukan Islam juga mengguna perkataan *tamaddun*, walaupun orang-orang Arab Islam mengguna perkataan *hadarah*, bila merujukkan kepada tamadun.”<sup>34</sup>

Beliau kemudian menambah “Kepada Ibn Khaldun, seorang ilmuwan ulung yang telah menformulasikan konsep ketamadunan abad ke 14, mengistilahkan tamadun dengan ‘umran dan teori mengenainya dikenali dengan ‘ilm al-‘umran.’”<sup>35</sup> Para sarjana Barat pada abad ke 19 baru mulai membincangkan teori ketamadunan yang terkemudian dari umat Islam. Perkataan *civilization* pula merupakan terjemahan dari perkataan tamadun dan ramai di kalangan sarjana Barat yang membincangkan perkara ini. Menurut Prof. Dr. Abdullah Alwi Haji Hassan lagi :

“Antara sarjana Barat yang lain ialah J.R Strayer dengan bukunya *The Mainstream of Civilization*, Darcy Riberio dengan *The Civilization Process*, Clive Bell dengan *Civilization and Old Finds*, Redfield dengan *Introduction to the Civilization of India : Changing Dimensions of Indian Society and Cultural*, Kar Wittfogel dengan *Approaches to Asian Civilization* dan Will Deorand dengan *History of Civilization*.<sup>36</sup>”

Arnold Toynbee merupakan sarjana Barat yang terkemuka membincangkan ilmu ketamadunan yang menghubungkaitkan tamadun dengan pencapaian pemikiran dan agama dalam bukunya *A Study of History*. M.A.J Beg telah mengulas idea Toynbee iaitu “Dalam buku ini, beliau telah mengeluarkan pendapat yang agak lebih *sophisticated* dari yang lain, dengan menegaskan bahawa tamadun ialah pencapaian pemikiran yang membentuk institusi politik, kesusasteraan, agama dan moral.”<sup>37</sup>

Kesimpulannya peradaban dalam pengertian Islam ialah sebagai pencapaian umat Islam dalam akidah, syariah dan ketinggian akhlak seiring dengan kemajuan kebendaan yang berpaksikan kepada kepercayaan agama. Menurut Prof. Dr. Abdullah Alwi Haji Hassan lagi “Takrif ini membezakan pengertian “*civilization*” di kalangan masyarakat Barat bermula pada abad ke 19 yang memberatkan kepada pencapaian kebendaan semata-mata.”<sup>38</sup>

### **1.5.2 Islam dan Cabaran-cabaran Masa Kini**

Islam tanpa henti sentiasa menghadapi pelbagai cabaran dan serangan daripada musuhnya hingga ke akhir zaman. Dalam zaman yang kian mencabar, ia berdepan dengan ideologi-ideologi moden ciptaan orang Barat termasuklah sekularisme di samping yang lain iaitu Zionisme, Humanisme, Marxisme dan seumpamanya. Kesemua fahaman ini wujud di seluruh dunia termasuklah negara Islam dan umatnya. Perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi oleh Eropah menyebabkan mereka dapat memantapkan sistem Sosialis dan Kapitalis sehingga berlakunya penentangan terhadap nilai-nilai keagamaan.

Seterusnya memungkinkan kelahiran pelbagai jenis isme-isme di Barat yang menular ke Timur dan kemudiannya meresapi pemikiran dan keseluruhan kehidupan manusia. Bermula daripada ketidakpuasan terhadap institusi gereja turut sama mengheret kita dalam masalah yang dihadapi oleh mereka walaupun hakikatnya agama Islam tidak mengalami kecelaruan dalam memenuhi tuntutan rohani dan jasmani seperti sejarah yang memalukan dunia Kristian. Ini kerana kita terpengaruh dengan ideologi mereka yang menghalalkan cara untuk memenuhi kepentingan manusia dan duniawi.

Anwar al-Jundi menegaskan “Matlamat gerakan pembaratan adalah jelas; iaitu menghancurkan personaliti, merosakkan pemikiran umat dan mencemarkan sumber-sumber kebudayaan,”<sup>39</sup> Hasilnya falsafah dan aliran-aliran pemikiran Barat telah dijadikan senjata untuk memerangi pemikiran Islam sejak zaman *Renaissance* hingga sekarang yang menjajahi kita. Menurutnya lagi “Maka dengan hal yang demikian penjajahan akan berterusan dalam bentuknya yang baru; iaitu bentuk penjajahan pemikiran.”<sup>40</sup> Tumpuan mereka sekarang dengan gerakkan missionari untuk menundukkan Islam kepada aliran-aliran pemikiran Barat dengan menyebarkan idea dan falsafah mereka. Selain itu bagi beliau :

“Serangan-serangan yang dilakukan oleh gerakan pembaratan ke atas nilai, sejarah, bahasa dan agama yang terdapat di Timur tidak berdasarkan kepada asas-asas kajian ilmiah, tetapi berdasarkan hawa nafsu, fanatik, dengki, superioriti, perbezaan di antara kulit putih dan lain-lain, dan di antara umat yang mempunyai tamadun dengan umat yang mempunyai peranan dalam memindah dan mendukung tamadun manusia di abad yang silam, yang mana pada ketika itu orang-orang Eropah belum kenal kemajuan dan hidup dalam kegelapan.”<sup>41</sup>

Demikian secara umum gambaran mengenai musuh-musuh Islam dalam menghancurkan ketinggian peradaban dan masa depan. Kemudian kita lihat pula serba ringkas hubungan sekularisme dengan Islam dan bagaimana pandangan Islam terhadap fahaman ini dan mengapa ia harus ditentang habis-habisan.

### **1.5.3 Islam dan Sekularisme**

Islam adalah agama dunia dan akhirat yang membawa kesejahteraan dan kebahagiaan manusia dan dalam mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Oleh itu, masalah

diniawi dan ukhrawi sama penting untuk diberi perhatian. Menurut Imam Munawar “Islam secara total menolak penerapan apa pun atas dirinya, konsep-konsep sekular, sekularisasi atau sekularisme kerana semuanya itu bukanlah milik Islam dan berlawanan terhadapnya dalam segala hal.”<sup>42</sup> Islam dapat berjalan seiring dengan sekularisme dalam masalah duniaawi namun Islam secara muktamatnya menentang sekularisme kerana membawa manusia ke arah duniaawi semata-mata seterusnya memalingkan muka dari agama atau wahyu Ilahi. Tohmahan seperti agama itu tasyul, tidak rasional dan dongeng semata-mata tidak benar jika ditujukan kepada Islam kerana ia memiliki teologi yang ilmiah dan rasional lagi mantap sehingga tidak terjangkau oleh fikiran manusia. Jelaslah Islam dan sekularisme mempunyai permaianan yang nyata dari pelbagai segi merangkumi aspek lahiriah dan spiritual. Ia termasuklah hakikat kebahagiaan hidup yang akan dicapai melalui perspektif yang berbeza.

Malah sekularisasi yang mengungkapkan secara jelas tentang gambaran peradaban Barat tidak boleh dimaksudkan dengan apa yang terjadi di dunia Islam. Ini kerana kemungkinan Barat sukar mendefinisikan agama lantas mengaitkannya dalam pengertian melalui sejarah dan kepercayaan. Misalnya mereka menerima definisi daripada sumber-sumber sekular mereka yang menganggap agama sebagai sebahagian dari kebudayaan dan tradisi seperti sistem kepercayaan, animisme, amalan, sikap, nilai-nilai, dan aspirasi-aspirasi yang diciptakan oleh sejarah manusia yang berhubung atau melalui pengalaman dengan alam, yang berevolusi dalam sejarah dan mengalami perkembangan sama seperti manusia. Manakala Islam pula lengkap sebagai agama wahyu yang sempurna dan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi harus mengurus dan memakmurkan alam mengikut ketentuan-Nya.

Bagi Islam, agama itu penting kerana semua tindakan yang dilakukan atas nama Allah bersama keimanan dan ketakwaan yang tinggi. Oleh itu, hamba-Nya wajib membuat apa yang disuruh dan meninggalkan segala kemungkaran. Sekaligus Islam menekankan kewajipan manusia untuk berkongsi kebaikan hidup yang dikurniakan Allah bersama-sama makhluk manusia, juga mengambil kira kesan yang akan diperolehi jika mereka lalai dan mengengkari perintah Tuhan. Bagaimanapun bagi ideologi sekularisme penumpuan diberikan kepada manusia tanpa memikirkan keburukan yang bakal menimpanya seperti yang diakui oleh para ahli falsafah mereka. Oleh itu menurut A.K Brohi pula :

“Ideologi sekular, berorientasikan secara antroposentrik – menurut Protagoras, ahli falsafah zaman kuno, “manusia adalah ukuran segala-galanya”. Tidak hairanlah pendekatan ini menjadikan manusia itu begitu angkuh dan kejam dan berperang secara berterusan dengan keharmonian hidup manusia.”<sup>43</sup>

Perkara ini dapat dilihat dalam peristiwa yang telah berlaku kini iaitu manusia berusaha mengejar keperluan material dan kuasa walaupun terpaksa mengorbankan kemurnian hidup. Ini bermakna penuhanan manusia wujud dengan meletakkan sifat ketuhanan dan kemanusiaan atas dirinya sehingga pengikutnya patuh dan mentaati perintah tanpa bantahan.

Begitu juga persoalan ilmu dan agama dilihat secara bertentangan malah golongan sekular sanggup meletakkan agama di bawah ilmu. Pandangan seperti ini telah disebar melalui media cetak dan elektronik dengan mengagungkan ilmu terutamanya sains dan teknologi untuk pemodenan selaras perkembangan zaman. Seterusnya Muhammnad Albahy menegaskan :

“Selanjutnya hubungan ilmu – agama yang tidak sihat itu melahirkan pula persoalan lain yang lebih serius lagi, iaitu bahawa ilmu pengetahuan yang bersifat peripkatif diletakkan sebagai bersifat pasti atau yakiniah, sementara agama yang meliputi masalah-masalah ghaib diletakkan sebagai sesuatu yang diragukan atau syak, khurafat dan dongeng-dongeng kosong belaka.”<sup>44</sup>

Manakala Islam menjelaskan melalui agama manusia akan mendapat ilmu pengetahuan yang diyakininya dan ia kemudian dapat dijadikan panduan hidup yang sempurna. Ini disebabkan sumber ilmu Barat sekular dengan Islam adalah berbeza yang tidak berpegang kepada nilai mutlak disebabkan kesemuanya dianggap nisbi (*relatif*). Hal ini terbukti apabila institusi gereja di abad kebangkitan Eropah menjadikan soal ilmiah di luar bidangnya. Oleh itu berikut adalah perbandingan sumber-sumber ilmu Islam dan Barat sekular :

Jadual 1 : Perbandingan sumber-sumber ilmu Islam dan Barat sekular.

Sumber Ilmu Islam	Barat Sekular
(1) Wahyu.	Tidak ada
(2) Pengetahuan naluri ( <i>instinct</i> )	Seperti dalam Islam
(3) Pengetahuan daripada kepintaran ( <i>Intelligence</i> )	Seperti dalam Islam
(4) Pengetahuan daripada pancaindera seperti penglihatan, pendengaran, ciuman, rabaan dan rasaan ( <i>taste</i> ), iaitu pengamatan dan pengalaman	Seperti dalam Islam
(5) Pengetahuan daripada ilham	Seperti dalam Islam

Sumber : Sulaiman Noordin, *Sejarah Pemikiran 1 Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan ‘Order Baru Dunia’*, Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1999, hlm 2.

Terdapat perbezaan sumber ilmu antara Islam dan Barat sekular iaitu Islam mengandungi dan meyakini wahyu sebagai sumber ilmu yang sahih dan paling tinggi nilainya kerana

wahyu ialah ilmu “tanzil” (ilmu yang turun dari langit). Manakala Barat sekular tidak mempercayai (tiada) wahyu dan terdapat teori-teorinya yang bercanggah dengan ilmu wahyu.

Selain itu perlu kita fahami dalam masyarakat dan dunia Eropah pada masa kini, masih menjaga dan melindungi serta mengembangkan agama Kristian. Ini kerana mereka percaya kepada agama dan tidak memusuhiinya cuma mengurangkan peranannya dalam hal-hal negara misalnya England menjadi penaung Protestant dan Perancis menjadi penaung Katholik dan melindungi gerakan-gerakan dakyah Katholik di luar Eropah, di Afrika, Asia dan di Latin Amerika. Ini bermakna mereka tidak sekular dalam erti kata yang sebenarnya kerana masih menjaga kesucian dan memelihara agamanya cuma memisahkannya dari kehidupan duniawi walaupun ada pegangannya. Masalahnya agama ciptaan manusia seperti Komunis nampaknya yang menjadi musuh sebenar mereka iaitu menidakkkan agama dalam erti kata yang sebenarnya. Gary Allen (1971) dalam bukunya ‘*None Dare Call It Conspiracy*’ mentakrifkan Komunisme sebagai: “Satu (pakatan) antarabangsa, suatu usaha untuk memegang kuasa daripada mereka di tempat yang tinggi yang sudi menggunakan berbagai cara untuk mencapai tujuan mereka iaitu menguasai dunia.”<sup>45</sup> Kesimpulannya sistem ini menjadikan negara sebagai ‘Tuhan’ yang baru dengan munculnya semangat nasionalisme.

Jelas di sini majoriti mereka tidak meninggalkan agama atau ajaran-ajarannya cuma ingin memisahkannya dengan negara dan mengurangkan kekuasaan geraja. Pemisahan diri dari institusi gereja ini pula tidak bererti tunduk kepada paderi dan penditanya dalam menentukan corak pentadbiran dan politik negara. Apa yang menghairankan sekularisme yang wujud di Barat telah berkembang pesat di negara-negara Islam. Menurut Dr.

Mohammad El-Bahi penentangan terhadap gereja yang berlaku di dalam masyarakat Eropah itu lebih kuat mempengaruhi masyarakat Islam dari masyarakat Eropah sendiri.<sup>46</sup> Ini bermakna sekularisme lebih memberi ancaman kepada umat Islam daripada Barat dan dengan tertegaknya negara Turki sekular bukti nyata bahawa kita lebih sekular daripada Barat sendiri. Ia seterusnya menjadi kebimbangan apabila pemikiran umat Islam telah berjaya dipengaruhi oleh idea-idea ini.

Demikianlah serba ringkas tentang Islam dan sekularisme serta elimennya yang berjaya mempengaruhi sekaligus mendominasi sebagai falsafah hidup di kalangan umat dan negara Islam. Ternyata Islam menentang keras idea ini dan prosesnya (sekularisasi) dalam membangun sebuah peradaban yang unggul. Jelas bahawa sekularisme gagal menyaingi tamadun Islam yang dengan segala kepelbagaiannya dan kegemilangannya yang terlahir dari kesantunan tamadunnya.

## NOTA HUJUNG

- <sup>1</sup> *Kamus Malaysiana*, Anzagain Sdn. Bhd, Jilid 14, Kuala Lumpur, Malaysia, 1995, hlm 399.
- <sup>2</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dan sekularisme*, Terj. Karsidjo Djojosuwarno, Penerbit Pustaka Perpustakaan Salman ITB, Bandung, 1981, hlm 18-19.
- <sup>3</sup> Sulaiman Noordin, *Sejarah Pemikiran 1 Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan 'Order Baru Dunia'*, Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1999, hlm 100.
- <sup>4</sup> Zulkarnain Yusoff, *Gugatan Pemikiran Islam*, Institut Teknologi Mara, Cawangan Pahang, 1996, hlm 42.
- <sup>5</sup> Dipetik dari Lyoyd Geering, *Faiths New Age*, London, 1980, oleh Zulkarnain Yusoff dalam bukunya *Gugatan Pemikiran Islam*, Institut Teknologi Mara, Cawangan Pahang, 1996, hlm 42.
- <sup>6</sup> Edwin K.A Seligman, *Encyclopaedia of the Social Science*, Vol. 13, PUR-SER, hlm 631.
- <sup>7</sup> Harvey Cox, *Secularization and Urbanization in Theological Perspective*, Collier Books Milan Publishing Company, New York, 1990, hlm 16.
- <sup>8</sup> Steve Bruce, *Religion and Modernization Sociologists and Historians Debate and Secularization Thesis*, Clarendon Press, Oxford, 1992, hlm 6.
- <sup>9</sup> Doral Murray, *Secularism and the New Europe*, Veritas Publication, Dublin, 1990, hlm 48.
- <sup>10</sup> Op cit, Sulaiman Noordin, 1999, hlm 100-101.
- <sup>11</sup> H. Oemar Bakry, *Islam Menentang Sekularisme*, Penerbit Mutiara, Jakarta, 1984, hlm 18.
- <sup>12</sup> Seyyed Hossein Nasr, *Menjelajah Dunia Modern, Bimbingan Untuk Kaum Muda Muslim*, Terj. Hasti Trekat, Penerbit Mizan ,Bandung, 1994, hlm 148.
- <sup>13</sup> Shamad Hamid, *Islam dan Pembaharuan Sebuah Kajian Tentang Aliran Modern dalam Islam dan Permasalahannya*, Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura, 1986, hlm 62.
- <sup>14</sup> Fadhlullah Jamil, *Islam Di Asia Barat Moden Sejarah Penjajahan dan Pergolakan*, Thinker's Library, Percetakan Putrajaya, Selangor, 2000, hlm 25.
- <sup>15</sup> *Ensiklopedia Malaysiana*, Anzagain Sdn. Bhd, Jilid 11, Psik-Sika, Kuala Lumpur, Malaysia, 1995, hlm 419.
- <sup>16</sup> Ibid, hlm 419.
- <sup>17</sup> Op.cit, Fadhlullah Jamil, 2000, hlm 26.
- <sup>18</sup> Abu Sufian Abd Ghani, *Asal Perkataan Sekular, Dakwah*, Penerbit Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia, Bil. 264 Th 22, Kuala Lumpur, November 1999, hlm 20.
- <sup>19</sup> Ibid, hlm 20.
- <sup>20</sup> Ibid, hlm 20.
- <sup>21</sup> Ibid, hlm 20.
- <sup>22</sup> Mohd Nakhaie Haji Ahmad, *Keimanan Islam dan Materialism*, Persatuan Ulama Malaysia, 1975, hlm 9.
- <sup>23</sup> Raja Mukhtaruddin Raja Ahmad, *The Malay Dilemma, Bahasa Bangsa dan Agama*, Agensi Penerbitan Nusantara, petaling Jaya, 1982, hlm 64.
- <sup>24</sup> Rajender Singh, *Falsafah Abadi dan Falsafah Sekularisme : Suatu Penilaian, Pemikir*, Bil. 9, Julai-September1997, Kuala Lumpur, hlm 139.
- <sup>25</sup> Ibid, hlm 139.
- <sup>26</sup> Op.cit, *Dakwah*, 1999, hlm 21.
- <sup>27</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam, Secularism and the Philosophy of the Future*, Mansell Publishing Limited, London, 1985, hlm 18.
- <sup>28</sup> Op.cit, *Dakwah*, 1999, hlm 21.
- <sup>29</sup> Mohd Nasir Omar, *Tamadun Islam dan Ideologi-ideologi Masa Kini*, Penerbitan Nahdhi, Alam Makmur Sdn. Bhd, Selangor, 1986, hlm 10.
- <sup>30</sup> Ibid, hlm 10.
- <sup>31</sup> *Ensiklopedia Malaysiana*, Anzagain Sdn. Bhd, Jilid 10 Pene-Psik, Kuala Lumpur, 1995, hlm 140.
- <sup>32</sup> Ibid, hlm 40.
- <sup>33</sup> Op.cit, Mohd Nasir Omar, 1986, hlm 11-12.
- <sup>34</sup> *Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam Seminar Tamadun Islam dan Tamadun Asia Peringkat Kebangsaan*, Abdullah Alwi Haji Hassan, *Pengenalan Ilmu Ketamadunan Suatu Analisis Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Anjuran Pusat Pendidikan Islam Universiti Teknologi Mara, 7-8 Jun 2000, Shah Alam, Selangor, hlm 2-3.
- <sup>35</sup> M.A.J Beg, *Perspectives of Civilization*, Universiti of Malaya Press, 1985, hlm 29.
- <sup>36</sup> Op.cit, Abdullah Alwi Haji Hassan, 2000, hlm 4.
- <sup>37</sup> M.A.J Beg, *The Image of Islamic Civilization*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1980, hlm 20.
- <sup>38</sup> Op.cit Abdullah Alwi Haji Hassan, 2000, hlm 23-24.

- <sup>39</sup> Awar al-Jundi, *Pengaruh Barat Cabaran Paling Merbahaya Kepada Umat Islam*, Terj. Ishak Mohd Rejab, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983, hlm 22-23.
- <sup>40</sup> Ibid, hlm 19.
- <sup>41</sup> Ibid, hlm 26-27.
- <sup>42</sup> Imam Munawwir, *Posisi Islam di Tengah Pertarungan Ideologi dan Keyakinan*, Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura, 1986, hlm 61.
- <sup>43</sup> A.K Brohi, *Suatu Pegangan Hidup*, Terj. Mohammad Nordin Zainuddin, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm 130.
- <sup>44</sup> Muhammad Albahy, *Berbagai Penyimpangan Umat Islam*, Terj. Moh Nabhan Husein, Penerbit C.V Sientrrama, Jakarta, 1986, hlm 17.
- <sup>45</sup> Allen Gary, *None Dare Call It Conspiracy*, California: Concord Press, Seal Beach, 1971, hlm 21.
- <sup>46</sup> Op.cit, Mohd Nakhaie haji Ahmad, 1975, hlm 12.